

TERMA DAN SYARAT PB engage

NOTIS:

Aplikasi mudah alih ini membolehkan komunikasi dan interaksi antara Public Bank Berhad (“Bank”) dengan pelanggan. Dengan mengakses aplikasi mudah alih ini dan/atau penggunaan kesemua atau mana-mana ciri-cirinya, pelanggan dianggap telah membaca memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat di dalam ini serta terma lain yang bank akan tentukan dari semasa ke semasa. Jika pelanggan tidak bersetuju untuk menerima mana-mana terma dan syarat di dalam ini, pelanggan dinasihatkan agar menghentikan akses dan/atau penggunaan aplikasi mudah alih ini atau mana-mana bahagian daripadanya dengan serta-merta.

Pelanggan perlu maklum bahawa akses atau penggunaan aplikasi mudah alih ini oleh pelanggan adalah dengan risiko dan inisiatif pelanggan itu sendiri dan pelanggan bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang yang berkenaan.

1. SKOP TERMA BAGI APLIKASI MUDAH ALIH DAN TERMA-TERMA BAGI PERKHIDMATAN PBE

- 1.1 Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe Public Bank Berhad atau Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe Public Islamic Bank Berhad, mengikut keadaan (“selepas ini dirujuk sebagai Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe”). Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe itu diterima pakai bagi Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih melainkan dinyatakan sebaliknya. Semua rujukan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe bagi:
 - a. “Perkhidmatan Perbankan” hendaklah termasuk Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih; dan
 - b. “Perisian” hendaklah termasuk aplikasi perisian yang akan dimuat turun dan dipasang oleh Pelanggan dalam peranti Mudah Alih atau telefon pintar Pelanggan bagi tujuan untuk mengakses Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih, seperti yang mungkin ditentukan untuk kegunaan Bank dari semasa ke semasa;
 - c. “Penyedia Perkhidmatan Rangkaian” hendaklah termasuk apa-apa perkhidmatan telekomunikasi berlesen yang diluluskan oleh Bank dari semasa ke semasa yang menyediakan untuk Pelanggan perkhidmatan telekomunikasi dan penghubung yang perlu bagi penyediaan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih selain daripada rangkaian propietarinya sendiri.

- 1.2 Sekiranya terdapat konflik atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana konflik atau ketidakseragaman itu berkaitan dengan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih tetapi bukan untuk Perkhidmatan Perbankan lain.
- 1.3 Maklumat, bahan, kandungan atau nasihat yang terkandung dalam Aplikasi Mudah Alih ini bukannya suatu jemputan untuk rundingan atau tawaran untuk memeterai kontrak sah yang mengikat dengan Bank dari segi undang-undang dan disediakan untuk maklumat sahaja.
- 1.4 Pelanggan dinasihatkan agar mendapatkan nasihat guaman, kewangan atau nasihat bebas lain yang Pelanggan menganggap perlu pada setiap masa sebelum membuat apa-apa keputusan berdasarkan maklumat, bahan, kandungan atau nasihat berkenaan.

2. TAKRIFAN DAN SUSUNAN KATA

- 2.1 Takrifan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe akan terus diterima pakai bagi Aplikasi Mudah Alih, melainkan konteksnya menghendaki sebaliknya, iaitu:

Apa-apa terma perbankan yang tidak ditakrifkan atau digambarkan secara khusus akan dianggap sebagai menurut amalan am bank dan institusi kewangan di Malaysia. Apa-apa terma yang berkaitan dengan teknologi komputer yang tidak ditakrifkan atau digambarkan secara khusus di dalam ini hendaklah dianggap sebagai menurut amalan am dan perdagangan industri syarikat komputer dan teknologi maklumat di Malaysia.

- 2.2 Dalam Terma dan Syarat ini, ungkapan berikut hendaklah membawa maksud:

- “Perjanjian” bermaksud perjanjian ini antara Pelanggan dengan Bank untuk Aplikasi Mudah Alih, Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe dan semua tambahan, pindahan dan perubahan kepadanya;
- “Orang yang Dilantik” bermaksud orang yang dilantik dan dibenarkan dengan sewajarnya oleh Pelanggan Korporat untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan PBe untuk dan bagi pihak Pelanggan Korporat berkenaan;
- “Orang yang Dibenarkan” bermaksud (i) bagi Pelanggan individu, Pelanggan itu sendiri yang telah memohon Perkhidmatan PBe; atau (ii) bagi Pelanggan Korporat, orang yang dilantik dan dibenarkan dengan sewajarnya oleh Pelanggan Korporat untuk memohon

Perkhidmatan PBe atau dilantik oleh Orang yang Dilantik untuk memberi arahan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pelanggan Korporat;

- “Bank” bermaksud Public Bank Berhad (6463-H), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan pemegang hak milik atau penerima serah haknya yang kemudiannya dan mana yang berkenaan mana-mana daripadanya.
- “Pelanggan” bermaksud pelanggan sah Bank (i) bagi Pelanggan individu, Pelanggan yang memuat turun Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih; atau bagi Pelanggan Korporat, entiti korporat yang, melalui Penandatanganan Dibenarkan, telah memuat turun Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih; dan kepadanya Bank bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih;
- “Akaun yang Layak” bermaksud, (i) bagi Pelanggan individu, akaun individu dalam nama seorang Pelanggan sahaja atau bagi akaun bersama dalam mana Pelanggan mengekalkannya dengan seorang lagi dan yang mandat bagi pengendalian akaun bersama itu ialah “salah seorang yang menandatangani”; atau (ii) bagi Pelanggan Korporat, akaun yang Orang yang Dilantik dibenarkan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan PBe untuk dan bagi pihak Pelanggan Korporat berkenaan;
- "Arahan" bermaksud arahan yang diberi, komunikasi, operasi dan/atau urusan niaga yang dihantar oleh Pelanggan menerusi Telefon Mudah Alih Pelanggan di bawah Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih;
- "Internet" bermaksud rangkaian komputer yang terdiri daripada rangkaian-rangkaian komputer sedunia yang menggunakan protocol rangkaian TCP/IP yang memudahkan transmisi dan pertukaran data;
- “Peranti Mudah Alih” bermaksud telefon Mudah Alih, telefon pintar, tablet atau peranti komunikasi lain yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih;
- “Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih” atau “Aplikasi Mudah Alih” ditakrifkan di dalam ini sebagai aplikasi perisian yang disediakan untuk dimuat turun berdasarkan sistem pengendalian peranti Mudah Alih Pelanggan dalam lingkungan storan web rasmi sistem operasi;
- “PAC” bermaksud Kod Pengesahan PBe yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa sebagai kod keselamatan bagi membolehkan Orang yang Dibenarkan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih.

- “Terma dan Syarat” bermaksud Terma dan Syarat yang mengawal penggunaan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih;
- ID Pengguna bermaksud kod pengenalan akses yang mesti dimasukkan oleh Pelanggan bagi membolehkan sistem Perkhidmatan PBe untuk bergabung dengan ID Pengguna dengan profil dan akaun pengguna Pelanggan;
- “Panduan Pengguna” bermaksud panduan yang disediakan oleh Bank kepada Pelanggan mengenai cara untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih dan semua tambahan, pindaan dan perubahan kepadanya;
- "Laman web" bermaksud www.pbebank.com, apa-apa alamat lain seperti yang akan ditentukan dan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Perkataan-perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.

Perkataan-perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan sebaliknya.

Sekiranya terdapat pertikaian dalam interpretasi Terma dan Syarat ini dalam apa jua bahasa, versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

Sekiranya 2 atau lebih orang atau pihak yang terkandung dalam pernyataan "Pelanggan", perjanjian, waad, penetapan, aku janji, terma dan syarat yang dinyatakan sebagai dibuat oleh dan bagi pihak Pelanggan di dalam ini hendaklah dianggap sebagai dibuat oleh atau mengikat kepada orang atau pihak berkenaan secara bersama dan berasingan.

3. PERJANJIAN TERSEBUT

- 3.1 Terma dan Syarat di dalam ini dan semua tambahan, pindaan dan perubahan padanya hendaklah secara kolektif membentuk perjanjian antara Pelanggan dengan Bank ("Perjanjian").
- 3.2 Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat di dalam ini dengan terma dan syarat serta peraturan-peraturan yang mengawal Akaun berkenaan, terma dan syarat serta peraturan-peraturan tersebut akan diterima pakai bagi tujuan interpretasi dan penguatkuasaan setakat mana percanggahan dan ketidakseragaman berkenaan, hendaklah atas juga sebab badan pengawalseliaan atau mahkamah menimbangkan apa-apa peruntukan Perjanjian tersebut untuk tidak dikuatkuasakan, baki Perjanjian tersebut hendaklah terus dikuatkuasakan secara efektif.

- 3.3 Hak terhadap Perjanjian ini boleh dipindahkan sebahagian atau sepenuhnya kepada mana-mana syarikat yang bergabung dengan Bank. Hak atau obligasi Pelanggan menurut Perjanjian ini tidak boleh dipindahkan kepada entiti atau orang lain.
- 3.4 Penggunaan Aplikasi Mudah Alih oleh Pelanggan pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa, menandakan kepada Bank mengenai penerimaan dan persetujuan Pelanggan akan peruntukan-peruntukan dalam Terma dan Syarat dan risiko dalam menjalankan apa-apa urusan niaga dalam Internet dan Aplikasi Mudah Alih.
- 3.5 Dengan bersetuju untuk mematuhi terma dalam perjanjian ini, Pelanggan bersetuju bahawa Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih ini akan disediakan untuk Akaun yang Layak. Pelanggan menerima dan mengakui bahawa Perkhidmatan Perbankan Mudah Alih tidak disediakan untuk akaun-akaun tertentu.

4. TUJUAN APLIKASI MUDAH ALIH

- 4.1 Aplikasi Mudah Alih disediakan kepada Pelanggan sebagai mekanisme yang membolehkan akses kepada perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh Bank.
- 4.2 Perkhidmatan kewangan yang disediakan melalui Aplikasi Mudah Alih disediakan oleh Bank dan mungkin mengandungi produk-produk yang ditawarkan oleh subsidiari-subsidiarinya. Bank mungkin mengecualikan apa-apa perkhidmatan kewangan menggunakan Aplikasi Mudah Alih atas budi bicaranya.
- 4.3 Pelanggan memahami bahawa Bank tidak mewajarkan apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pelanggan berikutan penggunaan Aplikasi Mudah Alih oleh Pelanggan.
- 4.4 Aplikasi Mudah Alih disediakan kepada Pelanggan atas dasar “seadanya” dan tiada jaminan dibuat berkaitan dengan Aplikasi Mudah Alih, termasuk apa-apa jaminan berkenaan dengan kebolehdagangan, kesesuaian untuk kegunaan, kualiti yang memuaskan atau pematuhan kepada butiran, dan semua jaminan yang dinyatakan menurut undang-undang atau adat adalah dikecualikan. Selain itu, Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak boleh memastikan bahawa Perisian adalah bersesuaian atau boleh digunakan bersama-sama dengan Telefon Mudah Alih, dan Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan tidak boleh mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa ketidaksesuaian atau kerugian atau kerosakan pada Telefon Mudah Alih yang mungkin disebabkan oleh Perisian atau semasa proses pemasangan.

5. AKSES DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN PBe

- 5.1 Penggunaan Aplikasi Mudah Alih adalah tertakluk kepada Pelanggan mengekalkan Akaun PBe yang sedia ada dan sah dengan Bank dan tertakluk selanjutnya pada kriteria kelayakan yang Bank anggap wajar.
- 5.2 Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih hanya disediakan untuk Peranti Mudah Alih dan sambungan data yang memenuhi spesifikasi dan konfigurasi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 5.3 Pelanggan mengakui bahawa Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih itu bergantung kepada sambungan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Rangkaian Penyedia Perkhidmatan dan intermediari yang dilantik oleh Bank. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi kegagalan atau kelewatan penghantaran makluman segera/pemberitahuan melalui sms, pembayaran, kesilapan, kehilangan atau gangguan dalam penghantaran maklumat dan arahan kepada/daripada Pelanggan.
- 5.4 Apabila log masuk ID Pengguna dan Kata Laluan berjaya dibuat, semua arahan dan transaksi yang dikeluarkan selepas itu hendaklah diatribut kepada Pelanggan tanpa mengira bahawa akses, arahan atau transaksi berkenaan mungkin dibuat oleh pihak ketiga sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan. Selanjutnya, Pelanggan menyatakan dan menjamin bahawa semua maklumat dan arahan yang dikemukakan kepada Bank dari semasa ke semasa melalui Aplikasi Mudah Alih ini adalah betul, dikeluarkan secara sah dan adalah mengikat Pelanggan dari segi undang-undang.
- 5.5 Pelanggan dianggap bersetuju bahawa arahan atau transaksi yang diterima oleh Bank tidak boleh berpatah balik apabila diterima, diselesaikan atau bergantung kepadanya oleh Bank dan Bank dibenarkan untuk mematuhi arahan yang diterima daripada Aplikasi Mudah Alih.
- 5.6 Pelanggan memahami bahawa melalui penggunaan Aplikasi Mudah Alih itu, beliau bertanggungjawab terhadap semua kos, tuntutan dan ganti rugi berikutan daripada maklumat yang dihantar kepada Bank.
- 5.7 Pelanggan mengakui bahawa beliau tidak boleh menggunakan Aplikasi Mudah Alih ini dengan apa-apa peranti atau sistem operasi yang telah diubah suai yang berlainan daripada sistem operasi yang disokong oleh vendor atau konfigurasi yang dijamin. Ini termasuk peranti yang bebas daripada had yang dikenakan ke atas perisian asli oleh pembuat telefon atau pemilik proprietari sistem operasi yang dipanggil “bebas penjara” atau “akar umbi”.

- 5.8 Pelanggan memahami bahawa beliau mesti memuat turun Aplikasi Mudah Alih daripada storan laman rasmi Sistem Operasi dan tidak akan memasang Aplikasi Mudah Alih menerusi pihak ketiga atau perkhidmatan yang tidak ditawarkan oleh sistem operasi peranti Mudah Alih masing-masing.
- 5.9 Pelanggan selanjutnya mengakui bahawa beliau tidak boleh menggunakan Aplikasi Mudah Alih ini dalam persekitaran yang boleh menjejaskan ciri-ciri keselamatan Aplikasi Mudah Alih, fungsi atau nama baik Pelanggan.
- 5.10 Seandainya Pelanggan kehilangan atau berpisah sebentar dengan Peranti Mudah Alih yang telah dipasang dengan Aplikasi Mudah Alih dan sekiranya Pelanggan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang mempunyai akses kepada akaun banknya menggunakan Peranti Mudah Alih itu, Pelanggan akan memaklumkan kepada Bank dengan sertamerta. Sehingga pemakluman tersebut dibuat, arahan yang dibuat menggunakan Perisian dan Peranti Mudah Alih akan dianggap sebagai datangnya daripada Pelanggan sama ada ia benar-benar daripada Pelanggan atau sebaliknya.

6. PENAFIAN

- 6.1 Bank telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan ketepatan maklumat bahan dan kandungan yang diberi secara langsung dan eksklusif oleh Bank. Walaupun begitu, maklumat bahan dan kandungan yang diberi oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga dalam Aplikasi Mudah Alih ini disediakan atas dasar "sebagaimana" dan dalam bentuk am dan hendaklah tertakluk pada obligasi Pelanggan untuk meminta nasihat guaman, kewangan dan lain-lain yang bebas seperti mana yang Pelanggan anggap perlu.
- 6.2 Bank, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, kakitangan atau ejennya menolak apa-apa jaminan atau pernyataan secara khusus atau sebaliknya termasuk tetapi tidak terhad kepada kebolehdagangan, waranti, hak milik, tidak menyalahi hak harta intelektual, kegunaan, ketepatan, kualiti atau kesesuaian bagi tujuan perkhidmatan atau produk mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dibuat melalui Aplikasi Mudah Alih ini.
- 6.3 Tiada satupun pihak sama ada Bank atau mana-mana pihak ketiga yang terlibat dalam pewujudan, penyediaan atau penyampaian Aplikasi Mudah Alih perlu mengambil tanggungjawab berkenaan dengan kegunaannya oleh Pelanggan. Tiada maklumat secara lisan atau bertulis atau makluman yang diberi oleh Bank, ejennya atau kakitangan Bank yang boleh meningkatkan jaminan atau dalam apa juga cara meningkatkan ruang lingkup jaminan ini, dan Pelanggan tidak boleh bergantung kepada maklumat atau makluman sedemikian.

- 6.4 Bank tidak bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan atau orang lain berikutan penggunaan apa-apa perkhidmatan yang ditawarkan oleh Aplikasi Mudah Alih.
- 6.5 Bank tidak menjamin atau mewakili akses kepada keseluruhan atau sebahagian daripada Aplikasi Mudah Alih ini, bahan, kandungan maklumat dan/atau fungsi yang terkandung di dalamnya akan disediakan tanpa gangguan atau bebas daripada kesilapan atau apa-apa kecacatan yang boleh dikenal pasti yang akan diperbetulkan, atau maklumat yang dihantar tidak seharusnya lewat, gagal, silap atau hilang, yang tiada virus atau peralatan yang menyebabkan pencemaran atau kerosakan akan dihantar atau bahawa tiada kerosakan akan berlaku kepada sistem komputer Pelanggan.

7. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN PBe

- 7.1 Aplikasi Mudah Alih dirancang untuk disediakan 24 jam sehari, termasuk pada hari cuti. Bagaimanapun, Pelanggan mengakui bahawa pada waktu tertentu sesetengah atau semua Aplikasi Mudah Alih tidak dapat diakses disebabkan oleh penyelenggaraan sistem atau sebab-sebab lain di luar kawalan Bank. Pelanggan mengakui bahawa walau apa pun peruntukan di dalam ini Bank tidak menjamin bahawa Aplikasi Mudah Alih akan disediakan sepanjang masa tanpa gangguan.
- 7.2 Sekiranya mana-mana daripada atau semua Aplikasi Mudah Alih tidak dapat diakses bagi apa juga sebab, Pelanggan bersetuju untuk menggunakan cara alternatif, termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin teler automatik atau di satu cawangan Bank, untuk mengeluarkan arahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pelanggan pada waktu tersebut.

8. HAK CIPTA DAN TANDA NIAGA

- 8.1 Bank menanggung hak cipta bagi Aplikasi Mudah Alih tersebut. Tiada entiti yang boleh pada bila-bila masa secara pernyataan mahupun tidak menyalin mana-mana bahagian daripada Aplikasi Mudah Alih ini termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, sifat, kod, nama atau ciri-ciri seakan-akan sama dengan Aplikasi Mudah Alih.
- 8.2 Bank boleh mempamerkan dan menggunakan logo pihak-pihak luar bagi tujuan untuk mempromosi perkhidmatan dan/atau produk Bank yang tersendiri dan tidak akan dianggap sebagai penghantaran atau pemilikan bersama. Walau apa pun, logo Apple, Google Inc, Microsoft Inc. dan Blackberry adalah tanda nama entiti masing-masing.

8.3 Pelanggan memahami bahawa Aplikasi Mudah Alih ini tidak boleh digunakan untuk apa juga tujuan yang menyalahi undang-undang, penggunaan kata-kata kesat, fitnah, lucah atau mengugut ataupun digunakan bertentangan dengan undang-undang atau apa juga keperluan pengalwaseliam.

9. PAUTAN

9.1 Pelanggan memahami bahawa Bank mungkin dari semasa ke semasa menyelitkan pautan daripada atau kepada Aplikasi Mudah Alih yang dimiliki atau dikendalikan oleh pihak ketiga yang bukannya di bawah kawalan Bank dan/atau Kumpulan PBB.

9.2 Dengan menyediakan pautan dalam Aplikasi Mudah Alih, Bank tidak menyetujui dan bertanggungjawab bagi apa-apa laman web yang dipautkan dan menolak apa-apa liabiliti bagi kegunaan privasi atau kandungan laman web yang dipautkan ini. Pelanggan memahami perlunya untuk meneliti terma dan syarat pautan yang dirancangkan, polisi dan apa-apa dokumen surat-menyurat untuk memahami kesan daripada kandungan atau perkhidmatan oleh pihak ketiga sebelum digunakan.

10. CAJ BANK

Dengan ini, Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk membayar kepada Bank kesemua caj perkhidmatan dan transaksi yang Bank mungkin kenakan dari semasa ke semasa berkenaan dengan atau berkaitan dengan Perkhidmatan Mudah Alih, dan perkhidmatan atau transaksi sedemikian hendaklah didebitkan daripada Akaun yang Layak milik Pelanggan. Semua fi atau caj transaksi perlu dibayar dan termasuk semua cukai yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) apabila ia perlu dicaj dan dikuatkuasakan.

11. PERALATAN DAN AKSES RANGKAIAN

11.1 Pelanggan hendaklah, dengan kos dan perbelanjaannya sendiri, bertanggungjawab bagi pembelian, kos, pemasangan, penyelenggaraan, penggunaan dan pembaikan (jika ada) peranti Mudah Alih, telefon pintar, peralatan dan perisian telekomunikasi ("Peralatan tersebut") lain yang perlu untuk Pelanggan mengakses Internet dan Aplikasi Mudah Alih. Peralatan tersebut hendaklah mengikut spesifikasi, jika perlu, seperti mana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 11.2 Pelanggan bertanggungjawab bagi semua caj telekomunikasi yang ditanggung, termasuk caj langganan, fi dan caj-caj lain yang dikenakan oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian dan mana-mana pihak ketiga yang lain.

12. PENDEDAHAN

- 12.1 Bagi tujuan untuk menyediakan kepada Pelanggan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh Bank dan/atau Kumpulan PBB melalui Aplikasi Mudah Alih, adalah perlu maklumat mengenai Pelanggan dimaklumkan atau disediakan melalui Internet kepada setiap syarikat dalam Kumpulan PBB dan kepada ejen, pembekal, vendor dan syarikat perkhidmatan Kumpulan PBB yang memberi sokongan dan perkhidmatan bagi produk dan perkhidmatan Bank dan/atau Kumpulan PBB. Maklumat pelanggan tidak akan diberi kepada pihak ketiga bagi tujuan selain daripada di atas dan hanya maklumat berkenaan yang diperlukan sahaja yang akan disediakan.

Jika Pelanggan tidak bersetuju Bank mendedahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan dalam lingkungan Kumpulan PBB dan kepada ejen, pembekal, vendor dan syarikat perkhidmatan Kumpulan PBB, Pelanggan boleh menulis kepada Bank menggunakan alamat di bawah:-

Perbankan Transaksi
Pengurusan Kekayaan dan Perbankan Transaksi
Tingkat 20, Menara Public Bank
146, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur

- 12.2 Pelanggan bersetuju dengan pendedahan maklumat peribadi Pelanggan kepada pihak-pihak yang dinyatakan di dalamnya dan seperti mana yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 12.3 Walaupun Bank komited dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan maklumat yang dihantar dan diterima adalah selamat, Pelanggan mengakhiri risiko yang terbabit melalui penggunaan Internet.

13. PENAMATAN

- 13.1 Tanpa mengambil kira apa-apa yang sebaliknya di dalam ini, Bank boleh pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlaknyanya menggantung atau menamatkan hak Pelanggan untuk mengakses Aplikasi Mudah Alih atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa notis dan tanpa obligasi untuk memberi sebab-sebab untuknya atau bagi apa juga sebab.

13.2 Bank berhak menamatkan hak Pelanggan untuk mengakses Aplikasi Mudah Alih sekiranya Pelanggan tidak lagi mempunyai apa-apa akaun dengan Bank yang boleh diakses melalui Perkhidmatan PBe atau sekiranya akses Pelanggan kepada akaun tersebut dihadkan oleh Bank atau mana-mana pihak lain bagi apa juga sebab.

13.3 Pelanggan mengakui bahawa penamatan itu tidak akan menjejaskan liabiliti atau obligasi Pelanggan berkenaan dengan arahan yang telah diproses dan/atau dibuat oleh Bank bagi pihak Pelanggan.

14. BUKTI

14.1 Semua rekod yang disimpan oleh Bank dalam apa juga bentuk, adalah muktamad dan konklusif terhadap Pelanggan berhubung dengan kandungan arahan tersebut.

14.2 Pelanggan bersetuju bahawa semua arahan yang dihantar melalui peranti Mudah Alih atau telefon pintar atau sebaliknya yang dikeluarkan oleh Pelanggan, walaupun dalam bentuk elektronik:

a. adalah dokumen bertulis, dan Pelanggan bersetuju untuk tidak mempertikaikan atau mencabar kesahan atau kebolehtuakuasaan apa-apa arahan dengan syarat bahawa ia bukan dokumen bertulis dan dengan ini Pelanggan mengecualikan apa-apa hak yang Pelanggan mungkin punyai dari segi undang-undang;

b. adalah dokumen asal dan Pelanggan bersetuju untuk tidak mencabar arahan yang dapat diterima dengan syarat ia dibuat dalam bentuk elektronik; dan

14.3 Pelanggan mengakui dan bersetuju bahawa rekod Bank dan apa-apa rekod mengenai Arahan yang dibuat atau dilaksanakan, diproses atau dikuatkuasakan melalui Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih oleh Pelanggan atau mana-mana orang yang mengaku sebagai Pelanggan, atau apa-apa rekod transaksi yang berkaitan dengan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih dan apa-apa rekod mengenai transaksi yang disenggara atau oleh orang berkenaan yang diberi kuasa oleh Bank berkenaan dengan atau berkaitan dengan Perkhidmatan Aplikasi Mudah Alih, sama ada disimpan dalam bentuk elektronik atau cetakan, adalah mengikat dan konklusif bagi Pelanggan bagi semua tujuan dan untuk liabiliti Pelanggan kepada Bank. Dengan ini Pelanggan bersetuju bahawa rekod-rekod sedemikian boleh diterima sebagai bukti dan Pelanggan tidak akan mencabar atau mempertikaikan kebolehterimaannya, kebolehpercayaannya, ketepatannya atau kesahan kandungan rekod berkenaan hanya atas dasar bahawa rekod itu digabungkan dan/atau diperincikan dalam bentuk elektronik atau dikeluarkan oleh atau adalah output daripada sistem komputer, dan dengan ini mengecualikan hak tuan (jika ada) untuk membantah.

15. KERAHSIAAN OLEH PELANGGAN

Dengan ini Pelanggan mengakui keperluan ketat berhubung kerahsiaan dan obligasi yang dikenakan terhadap Bank di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan mengaku janji untuk tidak melakukan atau menyebabkan untuk dibuat suatu tindakan atau ketertinggalan yang mungkin menyebabkan Bank mungkir terhadap tanggungjawab kerahsiaan dan obligasi seperti yang tersebut di atas. Obligasi Pelanggan di daiam ini hendaklah melepasi penamatan dan/atau penamatan Terma dan Syarat di dalam ini.

Sekiranya Pelanggan menerima apa-apa bahan atau data yang mengandungi maklumat yang Pelanggan bukan penerima yang sepatutnya, dengan ini Pelanggan memberi notis bahawa apa-apa kegunaan, penyebaran atau pindahan bahan atau data adalah dilarang dan tertakluk pada tindakan undang-undang. Pelanggan bersetuju untuk menghapuskan bahan atau data tersebut dan selanjutnya bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank melalui telefon dengan segera.

16. INDEMNITI

16.1 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya daripada mana-mana dan/atau semua liabiliti, kerugian, ganti rugi, penalti, tindakan, penilaian, kos, perbelanjaan atau pengeluaran apa-apa jua pun yang mungkin dikenakan, perlu ditanggung atau dinyatakan terhadap Bank berkenaan dengan apa-apa kenyataan, representasi, komunikasi, tindakan dan/atau ketinggalan dalam apa juga cara berkaitan dengan atau berikutan daripada kecuiaan atau tingkah laku yang disengajakan atau pelanggaran atau apa-apa ketertinggalan, kelewatan, penangguhan, kemungkiran atau kegagalan obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan di dalam ini atau bagaimana ia disebabkan oleh Pelanggan dan/atau mana-mana pegawai dan kakitangannya dalam melaksanakan obligasinya mengikut Terma dan Syarat ini.

16.2 Selanjutnya, Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan bagi atau berkenaan dengan tuntutan oleh pihak ketiga dan Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada dan terhadap apa-apa liabiliti, tuntutan, kehilangan, ganti rugi atau perbelanjaan dalam apa juga bentuk (termasuk liabiliti ketat dalam tort) berkenaan dengan atau berikutan daripada hak pihak ketiga dan pelanggaran haknya.

16.3 Pelanggan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank bagi apa-apa pecah laku kerahsiaan dan apa-apa akibat daripadanya, yang hendaklah termasuk apa-apa akses yang tidak dibenarkan atau tidak sah dari segi undang-undang kepada maklumat oleh pihak ketiga yang menggunakan apa jua cara.

16.4 Bank tidak bertanggungjawab bagi penipuan atau arahan tidak dibenarkan, atau apa-apa kerugian (termasuk kerugian turutan), ganti rugi atau liabiliti apa juga yang perlu ditanggung dan/atau dialami oleh Pelanggan melainkan yang disebabkan oleh kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank.

16.5 Oligasi pelanggan di dalam ini hendaklah mengatasi penamatan mana-mana daripada perkhidmatan kepada Pelanggan oleh mana-mana pihak.

17. PENEPIAN

Kegagalan atau kelewatan di pihak Bank dalam melaksanakan atau ketinggalan untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang disediakan di bawah Terma dan Syarat hendaklah dianggap sebagai penepian atau persetujuan berhubung keingiran demikian yang akan memberi kesan atau mengurangkan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di dalam ini.

18. PERUBAHAN DALAM TERMA DAN SYARAT

Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memotong atau membuat penambahan pada Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dengan cara yang dianggap sesuai oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada notifikasi *push*(notifikasi yang timbul) pada Peranti Mudah Alih Pelanggan. Namun begitu, Pelanggan akan dapat membaca Terma dan Syarat yang disemak semula itu apabila mengakses laman web Bank dan penggunaan perkhidmatan itu kemudiannya hendaklah dianggap sebagai penerimaan Pelanggan terhadap perubahan, pindaan dan tambahan berkenaan.

19. NOTIS

Dengan ini Pelanggan mengizinkan semua notis dan komunikasi lain yang melibatkan Aplikasi Mudah Alih atau Perkhidmatan PBe yang mungkin diberi oleh Bank melalui salah satu cara yang berikut:

19.1 Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap telah diterima dua (2) hari selepas notis tersebut dipos.

19.2 Melalui mel elektronik ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap telah diterima dua puluh empat (24) jam selepas ia dihantar.

- 19.3 Dipamerkan di premis perniagaan Bank dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap berkuat kuasa apabila ia dipamerkan.
- 19.4 Melalui iklan dalam satu sisipan dalam mana-mana akhbar utama dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa pada tarikh penerbitan iklan tersebut dalam mana-mana akhbar berkenaan.
- 19.5 Dengan memasukkan notis dalam Penyata Akaun Bank kepada Pelanggan dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap berkuat kuasa dua (2) hari selepas tarikh pengeposan notis berkenaan yang terkandung dalam Penyata Akaun kepada Pelanggan.
- 19.6 Menyiarkan mesej dalam Laman web Perbankan Internet Bank atau Aplikasi Mudah Alih.
- 19.7 Jika dimaklumkan kepada Pelanggan melalui apa-apa cara yang Bank anggap sesuai. Semua notis kepada Bank berkaitan dengan Aplikasi Mudah Alih serta Terma dan Syarat hendaklah dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh Pelanggan dan hendaklah dihantar kepada Bank di alamat di bawah atau dihantar atau disampaikan atau melalui cara lain seumpamanya sebagaimana yang Bank akan maklumkan kepada Pelanggan dari semasa ke semasa:

Perbankan Urus niaga
Pengurusan Kekayaan & Perbankan Urus niaga
Tingkat 20, Menara Public Bank,
146, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur

20. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Penggunaan Aplikasi Mudah Alih ini serta Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak dengan ini mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia walaupun Perkhidmatan PBe dalam Aplikasi Mudah Alih ini boleh diakses dalam bidang kuasa lain dan tidak terhad kepada Malaysia.

Penggunaan Perkhidmatan PBe di luar Malaysia adalah tertakluk pada Akta Kawalan Pertukaran 1953 dan Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran Bank Pusat Malaysia, keperluan atau peraturan fiskal atau Kawalan Pertukaran yang beroperasi di negara dalam mana urus niaga dibuat atau dipohon.

21. PENGIKATAN PENGGANTI

Terma dan Syarat di dalam ini hendaklah mengikat waris wakil peribadi pelaksana dan pengganti serah hak Pelanggan dan pengganti dan penerima serah hak Bank atau mana-mana syarikat yang melaluinya perniagaan Bank buat masa ini dijalankan, dan Pelanggan tidak berhak untuk menyerah hak apa-apa hak atau obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat di dalam ini melainkan dengan kebenaran bertulis secara khusus daripada Bank.